

**Pelaburan Dalam Kesejahteraan Gadis, Wanita Satu Langkah Bijak - Najib Bernama**  
**28 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelaburan dalam pendidikan, kesihatan, keselamatan, hak dan kebebasan kewangan gadis dan wanita bukan sahaja membawa pulangan tetapi juga satu pelaburan bijak.

Beliau berkata tidak dinafikan terdapat nilai dalam pelaburan sedemikian memandangkan apabila gadis dan wanita diupayakan, manfaatnya akan berlanjutan menjangkau individu berkenaan.

"Bebas daripada kekangan ketidaksamaan yang luar biasa, wanita boleh merealisasikan potensi mereka sebagai peserta yang aktif dalam komuniti dan di dunia," katanya.

Ketika menyampaikan ucap tama pada Persidangan Global Women Deliver 2013 kali ketiga di sini Selasa, Najib menghuraikan tentang komitmen kerajaan bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan gadis serta wanita di negara ini dilihat sebagai satu keutamaan, bukannya difikirkan kemudahan.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan yang baru dipilih semula ini turut membawa bersama komitmen baharu dan ditingkatkan untuk mengupayakan wanita dan gadis dalam usaha memacu pertumbuhan negara ke hadapan.

"Setiap gadis dan wanita di Malaysia, tanpa mengira agama, hubungan politik, status sosial atau lokasi, berhak menikmati kehidupan yang selamat, sihat dan sejahtera.

Kestabilan negara, serantau dan global kita bergantung kepadanya," kata Najib.

Turut hadir isteri beliau yang juga penaung persidangan itu, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim dan Presiden Women Deliver Jill Sheffield.

Lebih 3,000 perwakilan, termasuk penggubal dasar, penyokong dan pemimpin antarabangsa mewakili lebih 150 negara, menghadiri persidangan tiga hari itu bermula Selasa.

Malaysia menjadi negara pertama Asia diberi penghormatan menganjurkan persidangan global itu yang sebelum ini diadakan di London dan Washington D.C.

Acara itu disifatkan sebagai persidangan global terbesar pada dekad ini yang memberi tumpuan kepada kesihatan dan kesejahteraan gadis serta wanita.

Persidangan ini dianjurkan Women Deliver yang beribu pejabat di New York.

Najib berkata sambil Malaysia berusaha ke arah menjadi negara maju menjelang akhir dekad ini, cabarannya adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara benar-benar bersifat inklusif dengan peluang diwujudkan dan dibuka kepada semua warganegara, dan wanita diberi hak, rasa hormat dan peluang yang sama seperti lelaki.

"Ini tidak akan berlaku di peringkat atasan dan turun ke bawah, perubahan mesti berlaku di tempat kerja, di kampung, dalam minda semua rakyat Malaysia," katanya.

Beliau menegaskan penyokong dan pakar kesihatan mesti bersedia untuk melibatkan diri dalam dialog bersama ketua agama untuk melenyapkan tanggapan negatif berhubung perkara berkaitan kesihatan gadis dan wanita.

Wanita dan gadis, katanya, mesti diupayakan untuk membuat pilihan berdasarkan maklumat dan memikul sendiri tanggungjawab terhadap kesihatan mereka dalam lingkungan struktur masyarakat yang menggalakkannya.

Perdana menteri berkata masalah seperti kehamilan remaja, pembuangan bayi, kahwin muda dan penyakit jangkitan seksual perlu ditangani tanpa sebarang stigma atau diskriminasi.

"Ada kalanya ini memerlukan perubahan dalam kerangka minda, kesediaan untuk menilai semula pendekatan kita, untuk bertanya pada diri sendiri sama ada kita melakukan sedaya upaya untuk memberi keutamaan kepada kesihatan gadis dan wanita," katanya.

Beliau menegaskan peri pentingnya mendidik gadis mengenai kesihatan dan kesejahteraan mereka yang beliau percaya dapat terus menurunkan kadar kematian bayi dan ibu bersalin, membantu menghentikan merebaknya penyakit termasuk HIV dan AIDS di samping meningkatkan kesihatan dan nutrisi anak.

Melabur dalam pendidikan universal tanpa mendiskriminasikan gender membuahkan hasil melangkaui jangkaan, namun cabaran bagi Malaysia, begitu juga bagi negara lain, adalah untuk memastikan kejayaan di dalam bilik darjah diteruskan dalam meniti kehidupan selepas meninggalkannya, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952449>